

# Kerajaan, pembangkang bersatu

Ahli parliment kedua-dua belah pihak sokong RUU Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

Foto : ROSLI TALIB

KUALA LUMPUR - Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak mendapat sokongan baik daripada ahli parliment kerajaan maupun pembangkang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, sokongan yang diperoleh daripada pembangkang menunjukkan mereka juga prihatin dalam soal pembelaan terhadap kanak-kanak.

"Pada hari ini (semalam) RUU Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah dibacakan buat kali pertama di Dewan Rakyat.

"RUU ini memperturunkan kesalahan-kesalahan tambahan untuk menyokong undang-undang sedia ada," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Antara perkara yang di-peruntukan adalah kesalahan yang berhubung dengan amang seksual (sexual assault) yang terdiri daripada kesalahan amang seksual fizikal dan amang seksual bukan fizikal, mengandungi per-

ngan pornografi kanak-kanak (*child pornography*), peruntukan kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan amang seksual (sexual assault) yang terdiri daripada kesalahan amang seksual fizikal dan amang seksual bu-

kan fizikal, mengandungi peruntukan mengenai hukuman yang dikenakan terhadap orang yang mempunyai hubungan kepercayaan dengan kanak-kanak bagi kesalahan yang dilakukan di bawah RUU ini, dan peruntukan mengenai kebolehpercayaan dan keterangan saksi.

## INFO

- Prihatin
- Lulus awal bulan depan



Azalina (depan, dua kiri) bergambar bersama ahli parliment dari kerajaan dan pembangkang selepas sidang media mengenai Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, semalam.

Menurutnya, kehadiran ahli parliment kedua-dua belah pihak juga telah membuktikan komitmen mereka untuk memastikan isu ini

mampu ditangani secara komprehensif dan holistik.

Sebelum ini, Azalina yakin RUU itu akan mendapat sokongan semua ahli

parliment dan seterusnya diluluskan awal bulan depan.

"Saya harap RUU ini akan jadi kenyataan sebagai

menzhirkan tanggungjawab kita sebagai anggota parliment kepada rakyat terutamanya golongan kanak-kanak," katanya.